

D326

u B463 DEB
MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 5 DIS (BERNAMA) -- DATUKSERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA LESEN-LESEN PERNIAGAAN KINI AKAN HANYA DIKELUARKAN OLEH KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN SAHAJA BAGI MEMPERCEPATKAN PROSES KELULUSANNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA KEPUTUSAN ITU DIBUAT OLEH KABINET DUA MINGGU LEPAS DAN KEMENTERIAN ITU KINI SEDANG MEMPROSES PELAKSANAANNYA.

BAGAIMANAPUN, BAGI LESEN-LESEN +BERBENTUK PERJUDIAN+, IA AKAN DIKELUARKAN OLEH KEMENTERIAN KEWANGAN, KATANYA SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MAJLIS TANAH NEGARA DIBANGUNAN PARLIMEN, DI SINI.

DATUKSERI DR MAHATHIR BERKATA LANGKAH ITU JUGA DIBUAT BAGI MEMUDAHKAN PENGELURRAN LESEN KERANA PADA MASAMU TERDAPAT SESETENGAH PERNIAGAAN DI NEGARA INI YANG MEMERLUKAN BANYAK LESEN SEPERTI DALAM BIDANG PERHOTELAN YANG MEMERLUKAN KIRA-KIRA 63 JENIS LESEN.

BELIAU BERKATA KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI JUGA TELAH DICADANGKAN AGAR MENUBUHKAN SEBUAH AGENSI KHAS UNTUK MENGENDALIKAN PENGELUARAN LESEN BAGI PERINGKAT NEGERI. -- LAGI

1432MST 05 12 87

D334

u B468 DEB
MAHATHIR 2 KUALALUMPUR

MENGENAI PERINTAH KUALITI ALAM SEKITAR IAITU BERHUBUNG DENGAN PROSES PENGELUARAN LESEN BAGI PERUSAHAAN SEUMPAMA ITU, BELIAU BERKATA KERAJAAN PUSAT TELAH MENGARAHKAN KERAJAAN NEGERI SUPAYA MENGAJISI SEMULA KEDUDUKAN ITU DENGAN MEMBERIKAN TUMPUAN KEPADA SISA-SISA BUANGAN.

BELIAU BERKATA WALAUPUN NEGARA BELUM MEMPUNYAI KEMUDAHAN SEPERTI YANG TERDAPAT DI NEGARA MAJU BAGI MENGATASI MASALAH ITU TETAPI KERAJAAN AKAN MEMBERIKAN TUMPUAN AGAR APA YANG DILAKSANAKAN TIDAK MEMBAHAYAKAN NEGARA.

MENGENAI PERLINDUNGAN DOKUMEN PENTADBIRAN TANAH PULA, BELIAU BERKATA MESYUARAT MENGAMBIL KEPUTUSAN UNTUK MEMBELI 12 MESIN MIKROFILEM BAGI SETIAP NEGERI AGAR KESEMUA DOKUMEN TANAH DAPAT DISIMPAN DENGAN BAIK DAN MENGELAKKAN BERLAKUNYA KEHILANGAN MAKLUMAT SEPERTI KEMUSNAHAN DALAM KEBAKARAN.

BELIAU BERKATA MESYUARAT JUGA BERSETUJU DENGAN PROGRAM MENGKOMPUTERKAN MENGENAI KEDUDUKAN TANAH MULAI TAHUN DEPAN BAGI MEMPERCEPATKAN PROSES UNTUK MENGETAHUI KEDUDUKAN PEMILIKAN SESUATU BIDANG TANAH DI SELURUH NEGARA. -- LAGI

1453MST 05 12 87

D340

U B470 DEB

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR .

SEBELUM ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU MEMINTA MAJLIS ITU MENJALANKAN USAHA DENGAN CEKAP DAN CEPAT BAGI SESUATU PERKARA BERHUBUNG DENGAN URUSAN TANAH.

BELIAU BERKATA UNTUK MENINGKATKAN PEMBANGUNAN DI NEGARA INI, KELULUSAN TANAH YANG DIPERLUKAN UNTUK PELBAGAI JENIS KEGIATAN DAN INDUSTRI HENDAKLAH DISELENGGARAKAN DENGAN CEPAT.

KATANYA, MESYUARAT JUGA MEMBINCANGKAN AKAN PERLUNYA INDUSTRI PERTANIAN SECARA BESAR-BESARAN KERANA KEGIATAN PERTANIAN SECARA KECIL-KECIL ANAMAT MERUGIKAN NEGARA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA WALAUPUN KELUASANTANAH ESTET JAUH LEBIH KECIL DARIPADA KELUASANTANAH PEKEBUN KECIL, JUMLAH PENGELUARANNYA, SEPERTI GETAH, ADALAH LEBIH TINGGI.

INI MENUNJUKKAN BERLAKUNYA KETIDAKCEKAPAN DALAM BIDANG PERTANIAN DI NEGARA INI, TEGASNYA SAMBIL BERKATA BAHAWA PARA PEKEBUN KECIL PERLU MENGADAKAN SESUATU SEPERTI KOPERASI UNTUK MENINGKATKAN KEUPAYAAN DALAM INDUSTRI PERTANIAN SECARA BESARAN-BESARAN.

YANG TURUT HADIR PADA MAJLIS ITU IALAH MENTERI MEMAJUANTANAH DAN WILAYAH, DATUK DR SULAIMAN DAUD, MENTERI BESAR PERAK, DATUK SERI RAMLI NGAH TALIB, DAN MENTERI BESAR KELANTAN, DATUK MOHAMED YAAKOB.

-- BERNAMA

1515MST05 12 87